

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HHA 101/NSK 002 - Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Jawab dengan jelas, tepat dan ringkas.

Had maksimum penulisan untuk tiap-tiap karya yang ditayangkan ialah 2 (Dua) muka surat. **JANGAN MELEBIHI DUA MUKA SURAT.**

Setiap karya akan ditayangkan selama 7 minit, dan akan diulang tayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid telah ditayangkan sekali.

Maklumat karya yang diberikan adalah untuk makluman anda, dan anda tidak semestinya menggunakan maklumat ini di dalam jawapan. Namun begitu, soalan yang mengiringi slaid wajib dijawab.

1. Nyatakan melalui deskripsi, apa yang terlukis pada lukisan ini.
2. Pada pendapat anda, apakah "sifat-sifat kesenian" karya ini?
3. Jelaskan reaksi anda terhadap "makna" karya ini:

Pelukis : Mohd. Hoessein Enas
Tajuk : Pengantin Perempuan Iban
Bahantara : Cat Minyak atas Kanvas
Tahun : 1963
Milik : Himpunan Balai Seni Lukis Negara,
Kuala Lumpur.

4. Pelukis lukisan ini telah menyatakan bahawa karya ini dipengaruhi oleh kepercayaan agama Islamnya. Apakah reaksi anda terhadap lukisan ini, berdasarkan pengetahuan anda mengenai Islam?

Pelukis : Sulaiman Esa
Tajuk : Tauhid

5. Pada pendapat anda, sepatutnyakah poster ini dianggap sebagai karya seni?

6. Daripada lukisan ini, apakah yang anda boleh tafsirkan tentang apa yang dilukiskan?

Pelukis : Ismail Hashim
Tajuk : Kedai Gunting
Tahun : 1986
Bahantara : Fotografi diwarna
Ukuran : 109 cm x 109 cm

-oooOOOooo-